



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN HARI TASKA 2016 DAN PELANCARAN PORTAL
“www.asuhan.my”**

**13 OGOS 2016,
10.00 PAGI**

**THE SCOOOL, JAYA ONE
72, JALAN UNIVERSITI, JAYA ONE
PETALING JAYA, SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim,

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita berkumpul di majlis yang penuh bermakna pada pagi ini, iaitu Majlis Sambutan Hari TASKA 2016. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas kejayaan penganjuran Sambutan Hari TASKA Peringkat Kebangsaan 2016 yang merupakan Program *Smart Partnership* antara Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

2. Saya difahamkan Sambutan Hari TASKA yang pertama kali telah diadakan pada 8 Ogos 1992 oleh PPBM dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat sejak 24 tahun yang lalu. Sambutan seumpama ini amat bermakna di mana ia memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada semua

pengusaha dan pengasuh TASKA yang telah memberi perkhidmatan berkualiti dalam bidang asuhan dan didikan awal kanak-kanak.

TEMA SAMBUTAN HARI TASKA 2016

3. Tema Sambutan Hari TASKA pada tahun ini adalah **KESELAMATAN KANAK-KANAK: “KEEP ME SAFE”**. Saya dimaklumkan bahawa program **“KEEP ME SAFE”** ini bertujuan mewujudkan kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat tentang pentingnya mengawasi keselamatan kanak-kanak sama ada di TASKA atau di rumah. Tema ini bertujuan untuk merealisasikan komitmen Kementerian dan PPBM untuk memenuhi hak asasi kanak-kanak yang dijamin dalam Artikel 3, Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak 1989.
4. Isu keselamatan kanak-kanak amatlah dititikberatkan oleh KPWKM. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke TASKA yang berdaftar sahaja bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan anak mereka terjamin. KPWKM melalui JKM telah mengambil langkah awal memasukkan senarai TASKA berdaftar dalam Laman Web JKM di mana ibu bapa boleh mendapat maklumat TASKA yang berdaftar bagi menghantar anak mereka untuk asuhan dan didikan awal kanak-kanak.
5. Selain itu, saya difahamkan bahawa pada hari ini juga, satu portal iaitu **“www.asuhan.my”** akan dilancarkan. Saya memuji portal ini yang bertujuan untuk memudahkan ibu bapa mendapatkan maklumat mengenai TASKA berdaftar yang berhampiran dengan rumah mereka kerana maklumat yang dipaparkan adalah lengkap dengan alamat serta lokasi TASKA. Portal ini boleh diakses pada bila-bila masa dengan menggunakan telefon bimbit. Kemudahan ini disediakan untuk membantu ibu bapa menghantar anak mereka ke tempat yang selamat bagi memenuhi tema **KESELAMATAN KANAK-KANAK: “KEEP ME SAFE”**.
6. KPWKM amat prihatin dan memandang serius kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting negara di mana mereka bakal mencorakkan masa hadapan negara. Statistik JKM mendapati bahawa

terdapat sedikit penurunan kes penderaan yang dilaporkan mulai tahun 2013 hingga Mei 2016 seperti berikut:

2013 -	2,346 kes
2014 -	2,303 kes
2015 -	2,270 kes
2016 -	2,147 kes

7. Ini adalah satu indikator positif di mana ibu bapa atau penjaga semakin prihatin dengan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak. Sehubungan itu, saya ingin menyeru kepada para pengusaha TASKA agar dapat memastikan semua pengasuh adalah berdaftar bagi memastikan pengasuh kanak-kanak memberi perkhidmatan asuhan dan didikan yang berkualiti. Saya percaya bahawa para pengasuh yang berkemahiran akan dapat menjamin meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak di TASKA.

Hadirin yang dihormati sekalian,

SOKONGAN KERAJAAN

8. Kerajaan sedar betapa pentingnya untuk menyediakan pendidikan awal yang baik dan berkualiti kepada kanak-kanak sebagai asas kepada pembangunan insan yang mampu melahirkan generasi pelapis berminda kelas pertama. Oleh yang demikian, Kerajaan amat menggalakkan penubuhan TASKA. KPWKM melalui JKM sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan di mana Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif antaranya:
 - a. Pengecualian cukai 10% selama 10 tahun bagi ubah suai dan penyenggaraan, dan pemilikan bangunan untuk Pusat Asuhan Kanak-Kanak bagi majikan sektor swasta;

- b. Potongan Cukai dua kali ganda ke atas majikan yang menyediakan elauan atau subsidi kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak.

Inisiatif-inisiatif ini jelas menunjukkan bahawa pihak Kerajaan amat mengambil berat dan sentiasa menjaga kebajikan kumpulan sasarnya iaitu kanak-kanak.

9. Sehingga Julai 2016 sebanyak **4,240 buah TASKA** telah didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini merupakan jumlah yang amat kecil. Berikutan itu JKM telah melancarkan kempen Jom Daftar yang menyasarkan pengusaha-pengusaha taska yang tidak berdaftar ini supaya berdaftar dengan JKM dan yang mematuhi SOP yang ditetapkan.

10. Kementerian tidak akan berkompromi dengan kualiti perkhidmatan taska di negara ini. Kementerian memberi penekanan yang amat tinggi ke atas pembangunan taska di negara ini termasuk yang beroperasi di rumah. Jika diikutkan SOP yang ditetapkan sememangnya ketat tetapi ia adalah demi kebaikan kanak-kanak yang diasuh di pusat-pusat ini ketika ibu bapa keluar bekerja. Bayangkan jika anak-anak kepada pengasuh sendiri yang diabai dan diperlakukan tidak seperti mana jagaan rapi yang diharapkan oleh ibu bapa lain.

11. Kementerian akan sentiasa memastikan bahawa taska-taska ini mematuhi *international best practise*. **We are watching you!** Oleh kerana itu kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pengusaha taska di negara ini termasuk yang berdaftar dengan Persatuan Taska Negeri dan Daerah.

12. Melihat kepada kes-kes pengabaian dan penganiayaan kanak-kanak terutamanya di taska kebelakangan ini yang banyak dilaporkan di media massa, saya mengambil inisiatif sendiri untuk turun padang ke pelbagai jenis taska dalam memastikan bahawa kesemua pengusaha mematuhi SOP seperti mana yang ditetapkan. Siri *spotcheck* ini tidak akan berakhir di sini malah langkah-langkah susulan turut diambil yang bukan sahaja melibatkan JKM tetapi juga agensi-agensi lain sebagai pemudahcara.

13. Melihat jumlah TASKA di Tempat Kerja yang berdaftar amat kecil berbanding dengan kategori lain, saya menyeru kepada majikan-majikan swasta untuk menubuhkan TASKA Di Tempat Kerja demi memastikan kanak-kanak yang berusia bawah empat (4) tahun mendapat asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti. Ia juga mengurangkan kebergantungan kepada pembantu rumah warga asing serta membantu ibu bapa mengatasi masalah pengasuhan dan didikan kanak-kanak.

PENUTUP

14. Kerjasama antara KPWKM, JKM dan NGO melalui PPBM dan Persatuan-Persatuan Pengasuh Negeri untuk mengadvokasikan pengasuhan berkualiti melalui acara seperti HARI TASKA ini adalah diharapkan dapat memberi semangat kepada komuniti TASKA untuk menuju ke arah profesionalisma dalam perkhidmatan pengasuhan berkualiti bagi menjamin kesejahteraan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak 1989.
15. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang menjayakan program murni ini. Terima kasih kepada pihak pengajur dan semua yang hadir bagi memeriahkan majlis ini. Juga tidak lupa kepada THE SCHOOL, JAYA ONE sebagai tuan rumah, DIGI yang memberi sumbangan untuk pembangunan PORTAL www.asuhan.my, agensi kerajaan, NGO dan syarikat-syarikat korporat yang turut hadir.
16. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan semua pihak yang bekerja keras dalam melaksanakan program **Sambutan Hari Taska 2016** dan **Pelancaran Portal “www.asuhan.my”**
12. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Hari Taska 2016**.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.